

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : "PELANCARAN 'HARI TANPA MEROKOK SEDUNIA 1993'"
Lokasi : INSTITUT KESIHATAN UMUM, KUALA LUMPUR
Tarikh : 29-05-1993

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Penganjur di atas penghormatan yang diberikan kepada saya bagi melancarkan 'Hari Tanpa Merokok Sedunia 1993'.

2. Aktiviti ini diadakan pada masa pandangan masyarakat terhadap merokok sedang bertukar kepada sikap betapa perlunya gaya hidup yang sihat di Malaysia. Ia adalah salah satu daripada aktiviti penting ke arah 'Health For All by the Year 2020'.

3. Slogan tahun ini bagi 'Hari Tidak Merokok Sedunia 1993' ialah "Health Services - Our Window to a Tobacco Free World". (Perkhidmatan Kesihatan - Jendela Kita ke Arah Dunia Tanpa Tembakau).

4. Slogan ini mengajak semua kakitangan kesihatan berusaha bersungguh-sungguh untuk berhenti daripada merokok dan memastikan persekitaran yang bersih dan bebas daripada tembakau bagi mengelakkan pesakit dan orang awam daripada menghadapi kesan-kesan 'passive smoking'. Seajar dengan ini Kerajaan telah mengisytiharkan banyak tempat awam serta pejabat-pejabat kerajaan sebagai kawasan Larang Merokok.

5. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana telah mengambil beberapa langkah positif ke arah ini dan menjadi contoh kepada agensi lain dalam mengadakan persekitaran yang bebas daripada asap rokok.

6. Saya mengucapkan terima kasih kepada Action on Smoking and Health Committee, MMA, Institut Kesihatan Umum, Kementerian Kesihatan Malaysia, Seventh Day Adventist Church dan agensi- agensi berkaitan kerana menganjurkan 'Hari Tidak Merokok Sedunia 1993' dan dalam memainkan peranan utama dalam memastikan persekitaran yang sihat dan bebas daripada asap rokok.

7. Hasil daripada penyelidikan-penyelidikan perubatan dan epidemiologi selama 40 tahun terakhir di dunia telah menunjukkan bukti nyata bahawa risiko penyakit dan kematian yang dihubungkan dengan merokok, baik merokok secara aktif mahupun merokok secara pasif, telah menjangkau ke angka 2.5 juta kematian setahun. Di antara puncanya adalah akibat: - Barah paru-paru, barah esofagus, tekak dan barah perut - Bronkitis kronik - Emfisima - Penyakit jantung koronari /penyakit vaskular periferi dan penyakit angin akhmar.

8. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan bahawa sekiranya pola merokok sedunia seperti yang ada pada masa ini berterusan, maka 10 juta kematian boleh berlaku akibat daripada penggunaan tembakau sehingga tahun 2020. Kita di Malaysia mungkin tidak mampu mencegah 8000 kematian setiap hari di dunia ini akibat merokok tetapi kita boleh memainkan peranan penting bagi menolong mengelakkan sekitar 28,000 kematian sehari akibat merokok yang boleh berlaku di masa akan datang sekiranya pola merokok kekal di paras yang ada pada hari ini.

9. Keinginan sejagat bagi melihat dunia bebas daripada tembakau adalah satu contoh penting adanya perubahan moral dan keutamaan perubatan daripada hanya mengubati mangsa pengguna tembakau ke arah pencegahan dan peningkatan pengetahuan.

10. Matlamat kempen ini meliputi setiap hak individu terhadap kesihatan dan pelajaran kesihatan, kelebihan atau keuntungan pencegahan daripada rawatan.

11. Saya merayu kepada semua pihak supaya mengambil langkah-langkah mendidik dan memberi pengetahuan kepada kanak-kanak sekolah tentang bahaya merokok dan bagi kanak-kanak sekolah yang telah merokok supaya mereka segera menghentikan tabiat buruk itu. Sebagai masyarakat penyayang, pelancaran 'Hari Tanpa Merokok Sedunia 1993' adalah tepat pada masanya.

12. Akhirnya, saya merayu pada mereka yang mempunyai tabiat merokok supaya menghentikan tabiat ini. Bagi mereka yang tidak merokok pula supaya terus berusaha menghindarkan diri daripada merokok dan memberikan bantuan kepada mereka yang ingin dan sedang cuba menghentikan tabiat merokok mereka.

Kejayaan dan keberkesanan persekitaran Tanpa Merokok adalah bergantung pada sokongan semua.

13. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan 'Hari Tanpa Merokok Sedunia 1993'.

Sekian, Terima kasih.